



**PERKHIDMATAN PENSIJILAN
PRODUK FRIM (FRIM PCS)**

SKIM PENSIJILAN PRODUK PERABOT FRIM PCS



**GARIS PANDUAN RINGKAS UNTUK
PERMOHONAN PENSIJILAN PRODUK
MELALUI
SKIM PENSIJILAN PRODUK PERABOT FRIM**

FRIM Product Certification Services (FRIM PCS),
JKR 508, Jalan Jelutong
Forest Research Institute Malaysia (FRIM),
52019 Kepong,
Selangor D.E

**GARIS PANDUAN RINGKAS UNTUK PERMOHONAN PENSIJILAN PRODUK
MELALUI SKIM PENSIJILAN PRODUK PERABOT FRIM**

Bil	Kandungan Indeks	Muka surat
1	Pengenalan	3
2	Latar belakang	3
3	Objektif	3
4	Faedah	3
5	Skim Pensjilan Produk Perabot	4-7
Lampiran 1	Ringkasan Proses Pensijilan	7
Lampiran 2	Garis Panduan Tanda Pensijilan FRIM PCS	8-10

1.0 PENGENALAN

Skim pensijilan produk perabot adalah merupakan satu proses mempersijilkan produk-produk perabot yang telah melepasi ujian-ujian standard (berdasarkan ketahanan, kestabilan, performan dan ergonomik) yang diperlukan bagi sesebuah perabot, ujian jaminan kualiti serta memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam kontrak, peraturan, undang-undang serta spesifikasi yang ditetapkan oleh pelanggan dan/atau Pemegang Taruh (dengan ini dikenali sebagai **Skim Pensijilan Produk Perabot FRIM**). Skim ini dilaksanakan berdasarkan polisi dan prosedur yang dibangunkan oleh FRIM PCS berasaskan keperluan standard ISO/IEC 17065: *Conformity assessment - Requirements for bodies certifying products, processes and services*, serta mematuhi lain-lain keperluan standard antarabangsa dan nasional serta peraturan sebagai badan pensijilan di bawah Jabatan Standards Malaysia. Aktiviti pensijilan yang dijalankan di bawah skim ini dijamin dari segi tahap kompetensi, keadilan & kesaksamaan, kerahsiaan serta ketidakbergantungan.

2.0 OBJEKTIF

Dokumen ini disediakan untuk membantu mana-mana syarikat pembuat perabot (dengan ini dikenali sebagai **Pengilang**) yang berminat untuk mendapatkan pensijilan produk dan pemegang Pensijilan Produk untuk memahami tanggungjawab serta peranan mereka secara spesifik bagi memastikan semua prosedur, peraturan dan standard pensijilan sentiasa dipatuhi.

3.0 SKOP

FRIM PCS menyediakan Perkhidmatan Pensijilan Produk Perabot berasaskan kayu untuk mana-mana pengilang yang sedang dalam proses pencarian pematuhan terhadap keperluan standard nasional dan antarabangsa bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan mahupun global. Permohonan untuk mendapatkan pensijilan ini adalah terbuka kepada semua pengusaha yang terlibat dalam proses pembuatan perabot berasaskan kayu.

4.0 FAEDAH

- i. Memastikan syarikat yang diberikan pensijilan adalah syarikat yang tulen (*genuine*) dengan industri pembuatan dan pengeluaran perabot.
- ii. Pemantauan berterusan terhadap peningkatan tahap keupayaan dan kebolehpayaan (*capacity and capability*) syarikat dalam mengeluarkan produk berkualiti.
- iii. Memenuhi permintaan daripada pelanggan dan Pemegang Taruh untuk memastikan perabot yang dibekalkan kepada pelanggan mematuhi standard yang ditetapkan.

- iv. Memberi keyakinan pelanggan ke atas produk yang mempunyai logo pensijilan.
- v. Mengeluarkan sijil kualiti produk untuk pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

5 SKIM PENSIJILAN PRODUK PERABOT

5.1 PELAKSANAAN SKIM

Skim dilaksanakan berdasarkan kepada jenis produk yang dikeluarkan serta sistem pengurusan kualiti yang perlu dipatuhi oleh pihak Pengilang seperti berikut:

5.1.1 Pelaksanaan ujian sepenuhnya berdasarkan keperluan standard yang ditetapkan mengikut jenis produk yang dihasilkan oleh Pengilang **dan**

5.1.2 Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti sepenuhnya oleh pihak Pengilang mengikut standard MS ISO 9001:2008, *Quality Management Systems*

atau

Sekurang-kurangnya pihak Pengilang hendaklah melaksanakan sebahagian daripada Sistem Pengurusan Kualiti seperti berikut;

- a. Perancangan produk dan proses kawalan kualiti – termasuk bahan mentah yang digunakan, peralatan/mesin, pelaksanaan proses dan produk akhir.
- b. Sistem perolehan, termasuk pemantauan kelulusan dan penilaian pembekal memenuhi keperluan standard MS ISO 9001, Clause 7.4: *Purchasing requirement*
- c. Tentukan berkala bagi peralatan pengukuran dan pengujian bagi mematuhi keperluan standard MS ISO 9001, Clause 7.6: *Control of monitoring and measurement equipment requirement*
- d. Sistem pengendalian ketidakpatuhan bagi mematuhi keperluan standard MS ISO 9001, Clause 8.3: *Control of non-conforming product requirement*
- e. Sistem pengendalian aduan pelanggan bagi mematuhi keperluan standard MS ISO 9001, Clause 8.5.2: *Corrective action requirement*

5.1.3 Sistem pengurusan kualiti hendaklah dilaksanakan oleh pihak Pengilang untuk satu tempoh julat masa yang mencukupi bagi menunjukkan keberkesanan dan kematangan pelaksanaan keseluruhan sistem.

5.2 SKIM INI MENGANDUNGI AKTIVITI-AKTIVITI SEPERTI BERIKUT;

5.2.1 Permohonan Awal daripada Pemohon

- a. Pemohon adalah juga Pemilik Kilang hendaklah mengisi dengan lengkap borang *Questionnaire Form* (FRIM.PC.FOR.01-01) mengikut jenis produk perabot yang hendak dipersijilkan dan serahkan kepada FRIM PCS.
- b. Berdasarkan maklumat lengkap yang dinyatakan dalam borang FRIM.PC.FOR.01-01, sebutharga akan disediakan dan diserahkan kepada pelanggan untuk pertimbangan. Sebutharga yang diberikan adalah kos jangkaan keseluruhan pensijilan.
- c. Pemohon diberi masa 2 tahun untuk melengkapkan semua keperluan sehinggalah dipersijilkan.

5.2.2 Aplikasi dan Deklarasi oleh Pemohon

- a. pemohon hendaklah mengisi borang *Application and Declaration Form for Product Certification* (FRIM.PC.FOR.01-02) setelah bersetuju dengan kos yang dinyatakan dalam sebut harga,
- b. Borang dihantar ke FRIM PCS bersama-sama dengan yuran permohonan
- c. Ketua dan ahli pasukan audit akan dilantik untuk menjalankan proses Pra Audit Penilaian ke atas dokumentasi & maklumat kilang

5.2.3 Pra Audit Penilaian (bagi pemohon baru)- Audit Peringkat 1

- a. Pra audit penilaian melibatkan aktiviti audit ke atas dokumen/lapangan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas permohonan lengkap diterima oleh FRIM PCS.
- b. Audit dokumentasi/lapangan ini dilaksanakan bagi memastikan **tahap kesediaan** Pengilang dalam menghadapi proses audit penilaian.
- c. Tindakan pembetulan yang diambil oleh pemohon perlu disertakan bersama bukti yang menyokong tindakan yang telah diambil.
- d. Peringatan akan dihantar kepada Pengilang untuk memastikan semua tindakan pembetulan yang penting telah diambil dalam tempoh yang ditetapkan, sebelum proses audit Pematuhan dilaksanakan.

5.2.4 Audit Penilaian (*Compliant/evaluation audit*) (bagi pemohon baru) – Audit Peringkat 2

- a. Audit penilaian merupakan penilaian terhadap **TAHAP KEPATUHAN** Pengilang dalam memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Skim Pensijilan Produk.

- b. Penilaian ini termasuk pelaksanaan sistem pengurusan kualiti di Kilang, standard pelan operasi untuk proses pengeluaran produk, kawalan kualiti produk, pematuhan terhadap peraturan dan standard.
- c. Pemilihan ke atas sampel produk yang dihasilkan dalam proses pengeluaran produk di kilang akan dipilih secara rawak
- d. Pengujian akan dijalankan ke atas sampel produk oleh makmal yang telah diakreditasi di bawah ISO/IEC 17025. Jika sampel yang diuji adalah gagal memenuhi standard ujian yang ditetapkan, pemohon diberi masa tidak kurang daripada 3 bulan untuk membuat kerja-kerja penambahbaikan dan menghantar produk yang telah ditambahbaik kepada FRIM PCS untuk diuji semula bersama-sama kos ujian yang ditetapkan
- e. Pengilang hendaklah mengambil Tindakan Pembetulan daripada penemuan audit dan disertakan bersama bukti yang menyokong tindakan yang berkesan telah diambil.
- f. Audit susulan akan hanya dilaksanakan di kilang jika pengesahan tindakan pembetulan melibatkan proses penghasilan produk yang telah diambil oleh pihak Pengilang.

5.2.5 Pensijilan

Pengesyoran Pensijilan ke atas produk akan hanya dibawa kepada Panel Pensijilan tertakluk kepada

- a. kejayaan pemohon membuat penutupan semua penemuan audit,
- b. kejayaan produk melepasi ujian penuh di makmal ujian serta
- c. laporan penuh daripada pasukan audit

5.2.6 Audit Pemantauan (Surveillance audit) selepas mendapat pensijilan

Penilaian setiap 12 bulan selepas sijil dikeluarkan kepada pengilang bagi memastikan

- a. tahap AMALAN syarikat dalam memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh sistem pensijilan termasuk peraturan dan standard adalah berkekalan
- a. pelan kualiti produk Pengilang sentiasa dilaksanakan
- b. produk yang dihasilkan oleh pengilang adalah sentiasa berkualiti

5.2.7 Pemeriksaan berkelompok (*Batch Inspection*) dan ujian *in-situ*

FRIM PCS akan melaksanakan pemeriksaan produk yang dihasilkan secara berkelompok dan bersama-sama Pengilang akan menjalankan ujian *in-situ* bagi setiap kumpulan produk yang dihasilkan oleh di kilang bagi memastikan produk berkualiti dihasilkan secara berterusan sepertimana dinyatakan dalam Standard Spesifikasi Produk FRIM (*FRIM Product Specification Standards*).

5.2.8 Audit Penilaian Semula (*Re-assessment Audit*) - memperbaharui pensijilan selepas satu kitaran pensijilan (3 tahun)

- a. Penilaian semula ke atas Pengilang akan dilakukan setiap 3 tahun termasuk pelaksanaan sistem kualiti, perancangan standard operasi bagi proses pengeluaran dan kawalan kualiti ke atas proses dan produk yang dihasilkan.
- b. Pemilihan dan pengambilan sampel produk secara rawak mewakili produk yang dikeluarkan juga akan dilaksanakan.

Ringkasan Proses Pensijilan adalah seperti pada **Lampiran 1**

5.3 KATEGORI SKIM


Skim yang dilaksanakan oleh FRIM PCS adalah kategori *Type 5 of ISO/IEC Guide 67:2004, Conformity Assessment - Fundamentals of Product Certification*. Pensampelan untuk ujian daripada pasaran terbuka akan dilaksanakan mengikut kesesuaian pelanggan serta keberadaan produk. Bagi produk yang dihantar terus ke sekolah, pejabat atau institusi pengajian, produk akan diambil apabila terdapat aduan daripada pelanggan atau pemegang taruh. Pengilang bertanggungjawab untuk menggantikan produk yang diambil di lapangan untuk tujuan pengujian.

5.4 PELEKAT PRODUK (*QR Code*)

Panduan penggunaan sila lihat **Lampiran 2**

LAMPIRAN 1: Proses Pensijilan Produk Perabot

Ringkasan Carta Alir proses pensijilan produk perabot mengikut polisi dan prosedur FRIM PCS berdasarkan keperluan ISO/IEC 17065: *Conformity Assessment - Requirements For Bodies Certifying Products, Processes And Services* adalah seperti berikut;



Lampiran 2: Garis panduan Tanda Pensijilan FRIM PCS

Tanda pensijilan hanya akan dikeluarkan ke atas sejumlah produk yang dihasilkan oleh pengilang pada satu-satu masa secara berkumpulan dan produk tersebut secara rawak telah berjaya melepasi Ujian penuh atau Ujian *In-situ* (yang disaksikan oleh pasukan audit). Pelekat hanya dikeluarkan secara kawalan oleh FRIM PCS. Garis panduan ini mengandungi maklumat yang perlu ada pada pelekat serta penggunaannya.

1.0 Maklumat di pelekat pensijilan produk FRIM PCS

Pada Pelekat produk akan di dapati maklumat seperti berikut dan di **Rajah 1**;

- i. Tanda FRIM PCS
- ii. No siri produk
- iii. Jenis Produk
- iv. *Quick Reference (QR) code*



Rajah 1: Tanda Pelekat Pensijilan Produk FRIM PCS

Selepas diimbis menggunakan telefon bimbit pintar, maklumat berikut akan diperolehi:

- i. Nama Pengilang
- ii. Alamat
- iii. Nombor Pendaftaran SSM
- iv. Tarikh Pensijilan
- v. Julat masa Pensijilan
- vi. Nombor Kelompok
- vii. Tarikh Keluran produk
- viii. Jumlah produk yang dihasilkan

Tujuan penggunaan Kod QR

Tujuan penggunaan kod QR adalah pengesanan semula produk pengilang selepas diserahkan kepada pelanggan atau di pasaran. Ini bermaksud pengilang hendaklah bertanggungjawab ke atas produk masing-masing. Pelanggan akan menggunakan kod QR dalam memberikan maklum balas kepada FRIM PCS untuk tindakan lanjut.

2.0 Penggunaan dan syarat

- a. Pelekat tanda pensijilan hanya boleh digunakan ke atas produk Pengilang yang telah dipersijilkan dan telah melepasi ujian penuh produk atau ujian *in-situ*. Jumlah pelekat yang akan dikeluarkan oleh FRIM PCS hanya berdasarkan bilangan produk berkelompok yang dihasilkan sahaja.
- b. Pelekat akan dilekatkan di lokasi yang dipilih dan terlindung daripada aktiviti vandalisme seperti contoh pada **Rajah 2 &3**. Pelekat tidak boleh dikeluarkan selepas ianya dilekatkan.



Rajah 2: Contoh penggunaan pelekat tanda pensijilan di bawah tempat duduk kerusi



Rajah 3: Contoh penggunaan pelekat tanda pensijilan di bawah produk meja